



**SEPASUKAN** anggota agensi terbabit melakukan usaha memindahkan mamalia berkenaan.

## Ikan lumba-lumba kini selamat di UMS

Oleh RUZAINI ZULKIFLI

ruzainiUB@gmail.com

LIB 28.12.2012 A5

KOTA KINABALU: Tanda tanya mengenai penemuan seekor ikan lumba-lumba akhirnya terjawab setelah mamalia terbabit didapati tersesat ke perairan berhampiran Tuaran, Rabu lepas.

Ikan lumba-lumba jenis Spinner atau nama saintifiknya Stenella longirostris dengan kepanjangan 2 meter dan berat kira-kira 70 kilogram itu difahamkan ditemui terdampar di Pulau Gandang, Teluk Selama berhampiran Kampung Serusop, Tuaran sebelum diselamatkan.

Mamalia berusia sekitar tujuh tahun berkenaan bagaimanapun kini dalam keadaan selamat dan ditempatkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut Pengarah Institut Penyelidikan Borneo Marin di UMS, Prof Dr Saleem Mustafa, pihaknya masih mengesan punca sebenar insiden terbabit namun tidak menolak ia berikutan faktor kepenatan mamalia berkenaan.

"Mengikut kajian, ada beberapa sebab mengapa kejadian itu berlaku termasuklah mamalia itu termakan makanan bertoksin, kepenatan terlampau dan mempunyai kecederaan."

"Bagaimanapun, ikan lumba-lumba yang ditemui itu telah dibawa ke Insititut Penyelidikan Borneo Marin UMS dan dipindahkan ke tangki lebih besar."

"Saya berpendapat mamalia ini kini berada dalam keadaan selamat namun begitu kami akan terus berkerjasama dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Hidupan Liar dalam setiap perkembangan," katanya.